

The journey to success in PhD : a case of Malaysian social science student.

Abstrak

Pelajar Ph.D. perlu memikul tanggungjawab dalam menguruskan pembelajaran mereka untuk memperolehi Ph.D.. Mereka juga bertanggungjawab untuk menentukan apa yang diperlukan, di samping melaksanakannya, dan perlu sentiasa berhubung rapat dengan penyelia mereka. Para pelajar merupakan individu yang terpenting untuk kajian Ph.D. mereka. Pengajian peringkat Ph.D. menyatakan dengan jelas bahawa segala kerja penyelidikan adalah dilakukan oleh pelajar. Kajian asal telah dilakukan ke atas tiga pelajar Ph.D. dari Malaysia yang terdiri daripada tiga disiplin pengajian yang berbeza, iaitu sastera, sains dan sains sosial. Walau bagaimanapun, hanya satu kajian kes dengan menumpukan kepada pelajar sains sosial di dalam pengajian ini. Ini adalah kerana terlalu banyak petikan kata-kata yang perlu dibentangkan bagi membolehkan pemahaman yang lebih baik dicapai. Ianya juga akan menyebabkan perkara ini terlalu luas dan panjang jika tiga kajian kes dibentangkan di dalam artikel ini. Objektif kajian ini adalah untuk menyediakan panduan yang lebih baik dari segi peranan yang efektif untuk menjadi pelajar Ph.D. dalam bidang sains sosial, terutama sekali bagi pelajar dari luar negara. Hasilnya, kajian ini berjaya membentuk peranan yang lebih efektif untuk pelajar mencapai kejayaan dalam pengajian mereka.

Keyword: PhD; Success; Social Science; Supervision; Supervisor.